



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN PENTERNAKAN BAIK BAGI PENSIJILAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)**



**IBU PEJABAT  
PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**



## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN PENTERNAKAN BAIK BAGI PENSIJILAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)**



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

Edisi Pertama – 2012

## **ISI KANDUNGAN**

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	<b>PENDAHULUAN</b>	4
2.	<b>PENGENALAN</b>	4
3.	<b>OBJEKTIF</b>	5
4.	<b>SKOP</b>	5
5.	<b>TAKRIFAN</b>	6
6.	<b>PELAKSANAAN SKIM PENSIJILAN SALT</b>	9
7.	<b>KEPERLUAN UMUM BAGI PENSIJILAN SALT</b>	12
8.	<b>SYARAT PENSIJILAN SALT</b>	22
9.	<b>KEPERLUAN PERUNDANGAN</b>	22
10.	<b>PROSEDUR PERMOHONAN</b>	23
	10.1 Borang Permohonan	
	10.2 Pengauditan	
	10.3 Kelulusan Sijil SALT	
	10.4 Tempoh Sahlaku Sijil SALT	
	10.5 Pembaharuan Sijil SALT	
11.	<b>SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN SIJIL SALT DAN LOGO SALT</b>	28
	11.1 Syarat Penggunaan Logo SALT	
	11.2 Syarat Pembatalan Logo SALT	
12.	<b>TANGGUNGJAWAB PEMEGANG SIJIL SALT</b>	29
13.	<b>KADAR CAJ PERKHIDMATAN</b>	29
14.	<b>FAEDAH SALT KEPADA PENTERNAK DAN MASYARAKAT</b>	30
	14.1 Faedah SALT Kepada Penternak	
	14.2 Faedah SALT Kepada Masyarakat	
15.	<b>RUJUKAN</b>	31
	<b>CARTA ALIRAN PENSIJILAN SALT</b>	32
	<b>PENGHARGAAN</b>	34



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN PENTERNAKAN BAIK BAGI PENSIJILAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) adalah berlandaskan konsep ternakan yang sihat dan diurus dengan amalan yang baik bagi penghasilan ternakan yang berkualiti dan selamat untuk dimakan. Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan SALT adalah berasaskan Amalan Pertanian Baik (APB @ GAP) dan Amalan Penternakan Baik (GAHP) MS 2027:2006 yang merangkumi program pengurusan kesihatan ternakan, program biosecuriti, program sanitari dan fitosanitari dan program pengurusan sisa ladang dan pencemaran. SALT dilaksanakan sebagai usaha untuk mewujudkan piawaian amalan sanitari ladang ternakan yang bertaraf antarabangsa.

## **2.0 PENGENALAN**

Skim ini mula diperkenalkan pada tahun 2003 selaras dengan program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam *Guide for Good Agriculture Practice (GAP)* @ Amalan Pertanian Baik (APB) bagi skim pensijilan. Amalan Pertanian Baik (APB @ GAP) adalah satu cara mengurus ladang pertanian (tanaman, ternakan dan perikanan) yang berasaskan prinsip dan piawaian minimum amalan mengurus dan mengendali ladang pertanian yang perlu disediakan dan diamalkan oleh pengusaha.

Pelaksanaan SALT adalah berpandukan garis panduan Amalan Pertanian Baik (APB) dan Standard Malaysia Amalan Penternakan Baik (GAHP) MS 2027:2006 serta beberapa siri Buku Garis Panduan Amalan Penternakan Baik mengikut komoditi ternakan iaitu siri GAHP 1-12. Ia meliputi semua jenis ternakan termasuk lembu pedaging, lembu tenusu, ayam pedaging, ayam penelur, ayam baka, burung walit, kambing, bebiri dan babi.



### **3.0    OBJEKTIF**

Buku Garis Panduan Pensijilan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) ini disediakan sebagai panduan kepada pengusaha ladang-ladang ternakan yang menekankan aspek produktiviti, aktiviti penternakan mesra alam, kawalan penyakit yang baik, ladang bebas penyakit berbahaya dan menghasilkan produk berkualiti, sesuai serta selamat untuk dimakan. Buku Garis Panduan ini juga disediakan bagi membantu pengusaha memahami proses pensijilan dari peringkat permohonan sehingga ke peringkat penganugerahan sijil SALT.

### **4.0    SKOP**

Buku Garis Panduan ini boleh digunakan oleh pengusaha ladang ternakan di Malaysia yang meliputi semua aspek aktiviti penternakan termasuk ternakan di peringkat pusat penetasan dan ladang baka, ladang penelur, ladang pedaging, ladang tenusu atau premis perladangan burung walit sehingga ke peringkat pengangkutan ternakan atau produk ke pasaran. Pensijilan SALT adalah wajib bagi ladang ternakan yang mengeksport ke luar negara bagi menjamin hasilan ladang adalah sihat, berkualiti dan selamat untuk digunakan dalam rantaian makanan.



## 5.0 TAKRIFAN

Bagi tujuan Buku Garis Panduan ini, takrifan berikut adalah digunakan.

### 5.1 Logo

Logo SALT bermaksud logo yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar seperti di bawah:-



Logo SALT merupakan lambang kualiti yang dianugerahkan kepada ladang ternakan di bawah Skim Pensijilan SALT. Logo ini menandakan bahawa ladang ternakan berkenaan telah akur sepenuhnya kepada syarat dan keperluan pensijilan SALT.

### 5.2 Ladang

Sebuah kawasan yang telah dikenalpasti yang mempunyai kemudahan bangunan atau sebahagian daripada kemudahan bangunan yang berfungsi untuk menjalankan satu atau lebih daripada aktiviti di bawah:

**5.2.1 Ladang pembiakan baka;** sebuah ladang yang menghasilkan telur bernas atau anak baka untuk pengeluaran baka.

**5.2.2 Ladang baka;** sebuah ladang yang menghasilkan telur bernas atau anak baka untuk pengeluaran unggas penelur, unggas pedaging atau anak.



- 5.2.3 Ladang pemeliharaan;** sebuah ladang menternak ternakan sebelum peringkat matang seperti ladang dara (*pullet* atau *heifer*) atau menternak ternakan sehingga ke peringkat pengeluaran seperti ayam pedaging, ayam penelur, ladang tenusu atau ladang pedaging.
- 5.2.4 Perusahaan sarang burung walit;** sebuah bangunan menternak burung walit untuk hasilan penuaan sarang burung walit.
- 5.2.5 Unggas;** unggas adalah ayam kampung, ayam, itik, angsa, ayam piru, burung merpati, ayam belanda, burung unta, burung puyuh pada semua peringkat umur dan jantina.

### 5.3 Keselamatan makanan

Memastikan tiada residu antibiotik, agen penyakit zoonotik seperti virus dan bakteria, kebersihan pada semua peringkat penyediaan makanan serta bebas bahan kimia dan logam. Risiko agen penyakit yang mungkin dihadapi perlu diberi perhatian.

### 5.4 Program *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP)

Program yang mengenalpasti, menilai dan mengawal kemudaratan yang signifikan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin. Program ini melibatkan 7 prinsip seperti berikut;

1. Menjalankan analisis kemudaratan
2. Mengenalpasti titik kawalan kritikal
3. Menentukan had kritikal
4. Menentukan langkah pemantauan titik kawalan kritikal
5. Menentukan langkah pembetulan
6. Menentukan prosedur verifikasi
7. Mewujudkan sistem rekod bagi prosedur berkaitan

### 5.5 Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance Programme*;



## **QAP**

Program Kepastian Kualiti ladang yang mendokumentasikan elemen SALT, iaitu Amalan Penternakan Baik (*Good Animal Husbandry Practice - GAHP*) yang merangkumi program pengurusan:

- a) Kesihatan ternakan
- b) Biosekuriti ladang
- c) Premis dan Infrastruktur
- d) Penggunaan ubat-ubatan
- e) Sisa ladang dan pencemaran
- f) Kebajikan haiwan

### **5.6 Audit**

Pemeriksaan berdasarkan bukti, yang dilakukan secara sistematis oleh juruaudit veterinar yang dilantik, bagi mengenalpasti keperluan minima yang digariskan dalam ***Malaysian Standards Good Animal Husbandry Practice MS 2027:2006*** dan/atau ***HACCP MS 1480:2007*** dipatuhi. Ini untuk memastikan sama ada iaanya dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

### **5.7 Juruaudit**

Pegawai pemeriksa veterinar DVS yang berkebolehan secara teknikal dan dilantik secara rasmi oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar berkenaan Skim Pensijilan SALT amnya dan khususnya mengenai sistem penternakan.

### **5.8 Keakuran**

Aktiviti yang dijalankan mengikut keperluan minima yang digariskan dalam ***Malaysian Standards Good Animal Husbandry Practice MS 2027:2006*** dan/atau ***HACCP MS 1480:2007***.

### **5.9 Ketidakakuruan**



Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut keperluan minima yang digariskan dalam ***Malaysian Standards Good Animal Husbandry Practice MS 2027:2006*** dan/atau HACCP MS 1480:2007.

**5.10 Arahan Tindakan Pembetulan (Corrective Action Request; CAR):**

Ketidakakuratan yang didokumenkan oleh juruaudit dan memerlukan tindakan pembetulan yang memuaskan oleh pihak yang diaudit dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

## **6.0 PELAKSANAAN SKIM PENSIJILAN SALT**

**6.1 Pelaksanaan skim pensijilan ini adalah berdasarkan Amalan Penternakan Baik (*Good Animal Husbandry Practice - GAHP*) yang merangkumi kriteria berikut:**

**a) Program Kesihatan Ternakan**

- Program ini memastikan ternakan sihat dan program kesihatan ternakan dikawal selia.
- Penyakit wajib lapor yang disyaki berlaku pada ternakan di ladang wajib dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Program kesihatan ternakan termasuk program vaksinasi, program nyahcacing dan program saringan penyakit. Sila rujuk buku-buku panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia seperti :
  - o Protokol Veterinar Malaysia (PVM)
  - o Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM)
  - o Protokol-protokol Kawalan Penyakit Haiwan



Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia (2003)

- o Buku-buku GAHP mengikut komoditi (GAHP Siri 1 - 12)
- o Lain-lain buku yang berkaitan

**b) Program Biosekuriti**

- Pengusaha ladang perlu mewujudkan program biosekuriti untuk mencegah kemasukan agen pembawa penyakit ke dalam ladang. Contoh: Ladang hendaklah mempunyai pagar dan kawalan terhadap pekerja dan pelawat ladang.

**c) Premis Dan Infrastruktur**

- Susun atur ladang yang sesuai dan infrastruktur yang menyokong implementasi biosekuriti.
- Lokasi premis di kawasan yang tidak mudah banjir.
- Menyediakan bangunan dan kemudahan yang sesuai dengan operasi yang dijalankan.
- Menyediakan peralatan yang sesuai.

**d) Penggunaan Ubat-ubatan**

- Penggunaan ubat-ubatan mestilah terkawal, mengikut arahan pengilang atau preskripsi doktor veterinar. Ini bagi mengelakkan terdapat residu ubat-ubatan veterinar dalam rantaian makanan.

**e) Program Pengurusan Sisa Ladang Dan Pencemaran**

- Pengusaha ladang perlu memastikan langkah-langkah diambil untuk memastikan aktiviti-aktiviti penternakan tidak mencemar persekitaran (air, tanah, udara).

## 6.2 Kaedah Pelaksanaan SALT



Proses untuk pensijilan dan perakuan melibatkan beberapa proses kerja, bermula dengan permohonan oleh ladang, proses penilaian permohonan, pemeriksaan ladang dan verifikasi amalan, penilaian oleh jawatankuasa teknikal dan perakuan oleh jawatankuasa pensijilan dan seterusnya penganugerahan pensijilan.

Bagi menyertai Skim Pensijilan SALT, pengusaha dikehendaki menyediakan dokumen bertulis amalan penternakan yang dilaksanakan.

### **6.2.1 Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan**

Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS/Pengarah Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan/Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Hiliran dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Pengarah Makmal Kesihatan Awam Veterinar, Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan, Ketua Seksyen Pembangunan Sistem Kualiti, Ketua Seksyen Pemeriksaan Veterinar, Ketua Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport, Ketua Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam serta ahli-ahli ambilan yang berkaitan.

Peranan jawatankuasa ini adalah menilai dan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan.

### **6.2.2 Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan**



## Jabatan

Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan ahlinya terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan).

Peranan jawatankuasa ini memberikan pertimbangan atau keputusan setelah menerima dan menilai laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan.

## 7.0 KEPERLUAN UMUM BAGI PENSIJILAN SALT

Keperluan umum bagi pensijilan SALT adalah memenuhi Amalan Penternakan Baik (GAHP). Amalan Pertanian Baik (APB @ GAP) untuk ladang ternakan adalah berpandukan skop Amalan Penternakan Baik (GAHP).

Skop Amalan Penternakan Baik meliputi aspek aktiviti penternakan seperti berikut:

### 7.1 Memilih Tapak

- 7.1.1 Pelesenan: Pelesenan oleh pihak Majlis Perbandaran atau DVS sekiranya berkenaan.
- 7.1.2 Status tanah: pertanian/kekal/pajakan dan lain-lain.
- 7.1.3 Jarak dan kawasan: Jarak ladang dan perumahan yang bersesuaian mengikut jenis ternakan agar tidak mengganggu gugat ketenteraman awam tertakluk kepada peruntukan perundangan semasa (e.g enakmen negeri).
- 7.1.4 Bagi ladang ayam, lokasi hendaklah jauh dari kawasan yang selalu didatangi burung pengembara.
- 7.1.5 Lokasi mempunyai jalan perhubungan yang baik dan



boleh digunakan sepanjang masa.

- 7.1.6 Mempunyai bekalan asas seperti bekalan elektrik yang baik dan sumber air bersih yang cukup.
- 7.1.7 Mempunyai sistem saliran yang baik.
- 7.1.8 Jauh dari sungai dan parit yang digunakan untuk bekalan air minum kepada orang awam.
- 7.1.9 Lokasi mempunyai pengudaraan yang baik.

## 7.2 Membina Infrastruktur Ladang

- 7.2.1 Mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berasingan seperti setor makanan, setor ubatan, setor peralatan dsb.
- 7.2.2 Kawasan pemeliharaan ternakan dibina berasingan dari kawasan bukan pengeluaran. Pagar dibina memisahkan antara keduanya.
- 7.2.3 Bangunan memelihara ternakan tidak dibina terlalu dekat dengan jalan yang sering digunakan oleh kenderaan-kenderaan mengangkut ternakan.
- 7.2.4 Reka bentuk, ukuran, binaan reban dan bahan diguna sesuai supaya:
  - 7.2.4.1 Pengudaraan dalam reban selesa kepada ternakan
  - 7.2.4.2 Tidak mendedahkan ternakan kepada kecederaan
  - 7.2.4.3 Tidak menarik perhatian makhluk perosak
  - 7.2.4.4 Mudah dicuci
  - 7.2.4.5 Mudah diselenggara
  - 7.2.4.6 Cekap kos

## 7.3 Menguruskan Sumber Dan Input Ladang



### 7.3.1 Mengurus Kakitangan

- 7.3.1.1 Pekerja dipastikan mempunyai tahap kesihatan yang baik sepanjang masa. Pemeriksaan kesihatan pekerja perlu diaturkan secara berkala.
- 7.3.1.2 Majikan hendaklah memastikan setiap pekerja jelas dengan tugas dan tanggungjawab mereka.
- 7.3.1.3 Majikan juga hendaklah menyelia dan mengenalpasti kelemahan pekerja serta mengambil tindakan pemberian.
- 7.3.1.4 Program latihan disediakan kepada setiap kakitangan.

### 7.3.2 Kebajikan Pekerja

- 7.3.2.1 Kakitangan tidak dibenarkan makan di dalam atau berdekatan reban. Tempat makan khas untuk kakitangan ladang disediakan.
- 7.3.2.2 Tempat tinggal pekerja dibina berasingan daripada kawasan pengeluaran.
- 7.3.2.3 Kakitangan disediakan dengan kelengkapan kerja ladang yang sesuai dan hendaklah mematuhi peraturan nyahkuman masuk-keluar reban/ladang yang ditetapkan.
- 7.3.2.4 Peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan hendaklah dipatuhi.

### 7.3.3 Mengurus Ternakan



- 7.3.3.1 Perolehan ternakan hendaklah daripada ladang atau sumber yang mendapat pensijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau yang mengamalkan prosedur pengurusan yang diperakui bersamaan dengan syarat pensijilan.
- 7.3.3.2 Mutu ternakan semasa penerimaan dan sepanjang tempoh pemeliharaan dikawal dengan baik.
- 7.3.3.3 Ternakan berbeza umur sebolehnya dipelihara di premis berasingan pada jarak yang sesuai, diurus oleh pekerja berasingan dan menggunakan peralatan berasingan.
- 7.3.3.4 Haiwan lain tidak boleh dipelihara di dalam kawasan ladang.
- 7.3.3.5 Peralatan, bekalan dan persekitaran dipastikan telah siap sedia dan sesuai untuk menerima kemasukan ternakan baru ke ladang.
- 7.3.3.6 Ternakan hendaklah dipelihara di dalam ruang persekitaran yang selesa dan stres hendaklah dielakkan atau diminimakan.
- 7.3.3.7 Setiap ternakan mendapat ruang lantai yang mencukupi.

#### **7.3.4 Mengurus Makanan**

- 7.3.4.1 Bekalan makanan diperolehi daripada sumber yang mengamalkan Amalan Pembuatan Baik atau amalan yang diperakuan bersamaan dengannya oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- 7.3.4.2 Makanan disimpan di tempat yang bersih, kering, dan mempunyai pengudaraan yang baik dengan kaedah yang betul, serta kalis makhluk perosak.
- 7.3.4.3 Bahan-bahan racun hendaklah disimpan



berasingan daripada ruang penyimpanan makanan.

- 7.3.4.4 Setiap ternakan diberi ruang makan yang cukup dan sesuai.
- 7.3.4.5 Mutu dan kebersihan makanan hendaklah dipantau dari semasa ke semasa.

### **7.3.5 Mengurus Air Minuman**

- 7.3.5.1 Air minuman perlulah daripada sumber yang bersih dan selamat untuk diminum. Jika perlu dirawat, hendaklah menggunakan bahan yang diluluskan oleh kerajaan.
- 7.3.5.2 Pencemaran air minuman hendaklah dielakkan.
- 7.3.5.3 Bekas menyimpan air minuman yang digunakan tidak diperbuat daripada bahan yang boleh menyebabkan keracunan kepada ternakan.
- 7.3.5.4 Kualiti air (pH, kandungan kimia, kuman, logam, bau, warna) perlu dipantau dari semasa ke semasa.
- 7.3.5.5 Setiap ternakan diberi ruang minum yang cukup dan sesuai.

### **7.3.6 Mengurus Peralatan Dan Kenderaan**

- 7.3.6.1 Amalan meminjam peralatan dari ladang lain perlu dielakkan.
- 7.3.6.2 Peralatan hendaklah diselenggara dengan baik sepanjang masa.

### **7.3.7 Mengurus Reban Dan Kandang**



- 7.3.7.1 Pengudaraan reban dipantau dari semasa ke semasa. Suhu dan kelembapan dari semua bahagian reban ditetapkan pada paras yang sesuai dengan umur dan peringkat pengeluaran ternakan dan sekata sepanjang masa.
- 7.3.7.2 Reban diselenggara dengan baik.

### **7.3.8 Mengendali Ternakan Dan Hasil**

- 7.3.8.1 Ternakan dan hasil ditangkap dan diangkut dengan cara yang betul supaya ternakan dan hasilan tidak stres, cedera atau rosak.
- 7.3.8.2 Ternakan hendaklah diangkut menggunakan kenderaan yang mempunyai sistem pengudaraan yang baik.
- 7.3.8.3 Kenderaan atau bekas mengangkut ternakan tidak diisi melebihi muatan.
- 7.3.8.4 Sebaiknya ternakan diangkut semasa cuaca sejuk seperti pada waktu malam, lewat petang atau awal pagi bagi mengurangkan tekanan panas semasa mengangkut.
- 7.3.8.5 Hasil yang mudah rosak dalam suhu panas diangkut menggunakan sistem sejuk.

### **7.3.9 Pengenalan Ternakan**

- 7.3.9.1 Ladang mempunyai sistem pengenalan ternakan yang baik.
- 7.3.9.2 Setiap ternakan diberi nombor pengenalan yang mudah dibaca.

### **7.3.10 Mengurus Rekod**

- 7.3.10.1 Rekod ladang yang lengkap dan dikemaskini disimpan dan diselenggara dengan baik.
- 7.3.10.2 Setiap ladang mesti membangunkan



dokumen GAHP dan melaksanakannya sekurang-kurangnya 3 bulan.

- 7.3.10.3 Prestasi pengurusan perlu dipantau dari semasa ke semasa.

## 7.4 Mengurus Sanitasi Ladang

- 7.4.1 Kebersihan persekitaran ladang dan premis hendaklah sentiasa dijaga.
- 7.4.2 Rumput dan tumbuhan di dalam kawasan ladang perlu diselenggara dengan baik supaya tidak menjadi tempat menggalak pemberian makhluk perosak.
- 7.4.3 Sistem saliran ladang juga perlu diselenggara dengan baik.

## 7.5 Mengurus Sisa Ladang

- 7.5.1 Sisa ladang termasuk ternakan yang mati dilupuskan dengan baik supaya tidak menimbulkan masalah pencemaran dan gangguan kepada persekitaran serta punca penyakit.
- 7.5.2 Tempat pelupusan disediakan jauh dari bangunan memelihara ternakan dan sumber air. Sila rujuk Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Tanah dan Galian.

## 7.6 Mengurus Pencemaran

### 7.6.1 Pencemaran Lalat

- 7.6.1.1 Program kawalan lalat perlu diwujudkan dan dilaksanakan dengan betul.
- 7.6.1.2 Tahap infestasi lalat dipantau sepanjang masa dan dipastikan berada pada paras minimum (indeks lalat di bawah paras 10), mematuhi Enakmen Perladangan Unggas Negeri.

### 7.6.2 Pencemaran Bau



- 7.6.2.1 Pastikan aktiviti perladangan tidak menyebabkan masalah bau yang mengganggu kesejahteraan persekitaran pada setiap masa.

#### **7.6.3 Pencemaran Habuk**

- 7.6.3.1 Pastikan udara yang disedut keluar daripada reban (reban tertutup) tidak mencemarkan udara dan memudaratkan kawasan persekitaran.

#### **7.6.4 Pencemaran Bunyi**

- 7.6.4.1 Pastikan tahap bunyi dari aktiviti perladangan tidak mengganggu kesejahteraan awam di sekitarnya.

#### **7.6.5 Pengurusan Air Buangan Sisa Ladang**

- 7.6.5.1 Air buangan sisa ladang yang mengandungi pepejal tidak dilepas terus ke dalam sistem perparitan.
- 7.6.5.2 Ladang hendaklah mempunyai sistem olahan air buangan sisa ladang yang berkesan.
- 7.6.5.3 Tentukan air buangan yang dilepaskan ke dalam sistem perparitan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

### **7.7 Penggunaan Vaksin, Ubat Dan Bahan Kimia**



### **7.7.1 Menggunakan Vaksin**

- 7.7.1.1 Program vaksinasi secara bertulis perlu disediakan dan dilaksanakan dengan betul.
- 7.7.1.2 Jenis vaksin yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan keperluan (spesis, jenis dan umur) ternakan.
- 7.7.1.3 Penggunaan, pengendalian dan penyimpanan vaksin perlulah dengan cara yang betul.
- 7.7.1.4 Hanya vaksin yang diluluskan oleh kerajaan sahaja boleh digunakan.
- 7.7.1.5 Keberkesanan program vaksinasi yang dijalankan dipantau.

### **7.7.2 Menggunakan Ubat Dan Bahan Kimia**

- 7.7.2.1 Penggunaan, pengendalian dan penyimpanan ubat, bahan kimia dan racun perlu mengikut kaedah yang betul.
- 7.7.2.2 Hanya ubat, bahan kimia dan racun yang diluluskan oleh kerajaan sahaja boleh digunakan.
- 7.7.2.3 Keberkesanan ubat yang digunakan hendaklah dipantau secara berkala.

## **7.8 Mengurus Biosekuriti Dan Kesihatan Ladang**

### **7.8.1 Kesihatan Dan Kawalan Penyakit**

- 7.8.1.1 Dokumen bertulis berkenaan program kesihatan perlu disediakan dan dilaksanakan dengan betul.
- 7.8.1.2 Status penyakit di ladang perlu dipantau secara berjadual. Rekod pemantauan disimpan lengkap, teratur dan dikemaskini.
- 7.8.1.3 Perancangan dan pelaksanaan program



kesihatan ternakan diawasi oleh Pegawai Veterinar Swasta yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

- 7.8.1.4 Keberkesanan program kesihatan dipantau dari semasa ke semasa.

### **7.8.2 Biosekuriti Ladang**

- 7.8.2.1 Dokumen bertulis protokol biosekuriti perlu disediakan.
- 7.8.2.2 Prasarana biosekuriti yang lengkap disediakan. Prasarana dibina sempurna, diselenggara baik dan dipastikan berfungsi dengan berkesan.
- 7.8.2.3 Keberkesanan protokol biosekuriti hendaklah dipantau dari semasa ke semasa dan penambahbaikan dibuat di mana perlu.

### **7.8.3 Program Nyahkuman**

- 7.8.3.1 Reban dan peralatan perlu dinyahkuman dengan sempurna selepas setiap kali menggunakan bahan kimia dengan kaedah yang betul.
- 7.8.3.2 Peralatan yang telah dinyahkuman perlu disimpan di tempat yang kering dan bersih sebelum diguna semula.
- 7.8.3.3 Reban yang telah dinyahkuman perlu dibiar kering secukupnya sebelum kumpulan ternakan baru dibawa masuk.
- 7.8.3.4 Keberkesanan program nyahkuman hendaklah dipantau.

## **8.0 SYARAT PENSIJILAN SALT**



Bagi tujuan penilaian permohonan untuk pensijilan SALT, ladang dikehendaki menyediakan dokumen bertulis amalan yang dilaksanakan. Lawatan pemeriksaan ladang akan dijalankan oleh satu pasukan pegawai pemeriksa terlatih yang dilantik.

Aspek-aspek penilaian yang akan diberi tumpuan dalam pemeriksaan untuk tujuan pensijilan SALT adalah pelaksanaan GAP iaitu GAHP dan mengikut **MS 2027:2006 Good Animal Husbandry Practice (GAHP)**.

## 9.0 KEPERLUAN PERUNDANGAN

9.1 Mematuhi undang-undang berkaitan penternakan seperti akta-akta berikut:

- 9.1.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]
- 9.1.2 Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]
- 9.1.3 Enakmen Negeri-Negeri
- 9.1.4 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
- 9.1.5 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
- 9.1.6 Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- 9.1.7 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]
- 9.1.8 Penyakit Wajib Lapor 2008
- 9.1.9 Akta Racun 1952 (Semakan 1989) [Akta 366]

## 10.0 PROSEDUR PERMOHONAN



## 10.1 Borang

### 10.1.1 Borang Permohonan

Borang permohonan SALT, AP/DVS/SALT No. 1, yang dikenali sebagai Borang Permohonan Skim Pensijilan DVS/Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau muat turun daripada Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, <http://www.dvs.gov.my>.

Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan borang permohonan tersebut dengan menyertakan bersama Manual Program Amalan Pernakan Baik (GAHP) dan dokumen HACCP (jika ada). Permohonan boleh dihantar kepada Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti. Penerimaan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon.

### 10.1.2 Manual Program Amalan Pernakan Baik (GAHP)

Manual Program Amalan Pernakan Baik (GAHP), sebagai suatu dokumentasi program kepastian kualiti ladang perlu mengandungi maklumat-maklumat berikut:

1. Profil ladang, termasuk maklumat lokasi dan pelan-pelan yang berkaitan.
2. Infrastruktur dan kemudahan ladang.
3. Sumber ladang; sumber ternakan dan pemakanan dan minuman ternakan.
4. Protokol program pengurusan biosecuriti ladang.
5. Protokol program kesihatan ternakan.
6. Protokol penggunaan ubat-ubatan dan bahan kimia.
7. Protokol program pengurusan sisa ladang dan pencemaran.
8. Protokol program kawalan makhluk perosak.



9. Rekod-rekod yang berkaitan.

#### 10.1.3 Permohonan SALT boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti  
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar  
Tingkat 2, Blok Podium 1A, Lot 4G1  
Wisma Tani, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630 Putrajaya  
03 – 8870 2022 (Telefon)  
03 – 8888 5755 (Faks)  
Portal: <http://www.dvs.gov.my>

### 10.2 Pengauditan

#### 10.2.1 Audit Dokumen (*Adequacy Audit*)

Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik seorang pegawai bagi menjalankan audit dokumen (*Adequacy Audit*).

Audit dilaksanakan ke atas borang permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi syarat/keperluan minima SALT dengan menggunakan senarai semak audit dokumen.

#### 10.2.2 Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)

Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti akan melantik dua (2) orang pegawai Juruaudit Veterinar untuk menjalankan audit pematuhan dan memaklumkan kepada pemohon. Audit pematuhan merangkumi audit dokumen; QAP dan HACCP (jika ada), audit la-pangan dan audit susulan.

Tarikh audit akan dipersetujui bersama di antara



juruaudit dan pemohon. Kegagalan pemohon mempersetujui tarikh audit pematuhan dalam tempoh sebulan akan menyebabkan permohonan terbatal dengan sendirinya.

Apabila audit pematuhan dijalankan dan tiada ketidakakuruan (*CAR*) dikeluarkan oleh juruaudit, maka ketua audit akan menyediakan dan membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan untuk pertimbangan.

Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, *CAR* akan dikeluarkan. Tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui oleh pihak ladang dengan pemeriksa. Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua ketidakpatuhan telah diambil tindakan pembetulan oleh pemohon.

Kegagalan pemohon mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh *CAR* dikeluarkan akan menyebabkan permohonan dibatalkan.

Apabila dianugerahkan Logo SALT, pemohon akan diberi surat pemberitahuan kelulusan, No. Establishmen SALT dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi.

#### 10.2.3 Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*)



Seksyen Pemeriksaan Veterinar, Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menjalankan audit pemantauan secara berkala untuk memastikan premis yang telah dianugerahkan Sijil SALT mengekalkan kriteria pensijilan dan pelaksanaan elemen GMP dan HACCP. Kekerapan pengauditan juga bergantung pada keperluan semasa.

#### 10.2.4 Audit Pemeriksaan Semula (*Review Audit*)

Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti akan melantik dua (2) Juruaudit Veterinar untuk menjalankan audit pemeriksaan semula sekali setahun.

Audit pemeriksaan semula hendaklah dilakukan jika terdapat perubahan-perubahan seperti berikut:

1. Penambahan aktiviti ladang selepas dianugerahkan sijil SALT
2. Perubahan teknologi penternakan
3. Perubahan pihak pengurusan
4. Perubahan alamat ladang

Pemohon perlu memaklumkan kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti bagi perubahan di atas untuk mendapatkan kelulusan.

Audit pemeriksaan semula juga dijalankan untuk memperbaharui sijil SALT dalam tempoh enam (6) bulan sebelum sijil tamat tempoh.

Sekiranya terdapat ketidakpatuhan semasa audit dijalankan, *CAR* akan dikeluarkan. Tindakan pembetulan perlu dilakukan.

Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi



mengesahkan semua ketidakpatuhan telah diambil tindakan pembetulan oleh pemohon.

Kegagalan pemohon mengambil tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh *CAR* dikeluarkan akan menyebabkan pembaharuan sijil dibatalkan.

### **10.3 Kelulusan Sijil SALT**

- 10.3.1 Laporan audit pematuhan akan dikemukakan oleh Juruaudit Veterinar kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti. Laporan ini akan dibentangkan oleh ketua juruaudit kepada Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan untuk pertimbangan.
- 10.3.2 Jawatankuasa Teknikal Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan akan mengesyorkan kepada Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan Jabatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan. Jawatankuasa berhak menolak atau meluluskan mana-mana permohonan.

### **10.4 Tempoh sahlaku sijil SALT**

Tempoh sahlaku sijil SALT adalah sehingga 31hb. Disember tahun semasa.

## **11.0 SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN SIJIL SALT DAN LOGO SALT**



## 11.1 Syarat Penggunaan Logo SALT

Semua ladang yang telah dianugerahkan sijil SALT dibenarkan menggunakan logo, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 11.1.1 Logo boleh dicetak pada hasil keluaran ladang yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan). Contoh cetakan mengikut saiz sebenar sama ada dalam bentuk gambar foto atau dalam saiz sebenar, hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai bukti penggunaannya.
- 11.1.2 Penggunaan logo SALT hanya akan dibenarkan ke atas hasil keluaran ladang dan premis yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar selain daripada tujuan pengiklanan.
- 11.1.3 Pengurusan ladang yang telah diluluskan, adalah dengan ini bersetuju membenarkan pegawai DVS menjalankan pemeriksaan pemantauan (*surveillance audit*) dan pemeriksaan semula (*review audit*) serta mengambil sampel untuk ujian makmal.
- 11.1.4 Segala perubahan dalam pengurusan ladang dan operasi penternakan hendaklah dimaklumkan kepada DVS dalam jangka masa 30 hari selepas sebarang perubahan dibuat.
- 11.1.5 Amaran bertulis akan diberikan/dikeluarkan sekiranya logo SALT digunakan tanpa kebenaran. Sekiranya masih ingkar/tidak patuh, tindakan undang-undang akan diam-bil.
- 11.1.6 Tindakan yang boleh diambil apabila terdapat penyalahgunaan logo SALT adalah seperti berikut:
  - 11.1.6.1 Sijil atau logo SALT akan ditarik balik.
  - 11.1.6.2 Tindakan undang-undang akan diambil oleh pihak penguatkuasa.
  - 11.1.6.3 Syarikat tersebut akan disenaraihitamkan.

## 11.2 Syarat Pembatalan logo SALT



Penganugerahan logo boleh dibatalkan dalam keadaan seperti berikut:

- 11.2.1 Tiada tindakan susulan terhadap ketidakpatuhan (*major*) yang dikenalpasti semasa pemeriksaan pemantauan (*surveillance audit*) dan pemeriksaan semula (*review audit*).
- 11.2.2 Perubahan lokasi premis operasi selain daripada yang didaftarkan ketika penganugerahan.
- 11.2.3 Perubahan dalam pengurusan syarikat yang dibuat tanpa pengetahuan pihak DVS.
- 11.2.4 Perubahan dalam sistem operasi berbanding dengan sistem yang telah diluluskan ketika penganugerahan.
- 11.2.5 Penarikan diri daripada program secara sukarela.

## 12.0 TANGGUNGJAWAB PEMEGANG SIJIL SALT

Pihak pengusaha ladang perlu memastikan segala keperluan yang digariskan dalam pensijilan SALT disediakan dan diselenggara dengan baik. Pihak pengusaha ladang diwajibkan untuk memberi kebenaran kepada juruaudit DVS untuk memasuki premis ladang serta memberikan kerjasama penuh dalam memastikan proses pengauditan berjalan lancar.

## 13.0 KADAR CAJ PERKHIDMATAN

Sebarang bayaran tidak dikenakan untuk perkhidmatan dan pensijilan SALT. Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang relevan dan berpatutkan ke atas semua jenis perkhidmatan yang dibekalkan, jika perlu.

## 14.0 FAEDAH SALT KEPADA PENTERNAK DAN MASYARAKAT



## 14.1 Faedah SALT Kepada Pernernak

1. Ladang ternakan mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada DVS.
2. Pengiktirafan yang diterima menjadi petunjuk kepada tahap pengurusan dan sistem penternakan berkualiti yang diamalkan.
3. Ternakan dan hasilan keluaran ladang diperakui selamat dan berkualiti, bebas daripada penyakit.
4. Ternakan dan hasilan keluaran ladang mereka diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi pemasaran dan peluang pasaran untuk tempatan dan luar negara.
5. Proses permohonan dan kelulusan dokumen eksport (permit dan Sijil Kesihatan Veterinar) adalah lebih mudah dan cepat.
6. Ladang yang mempunyai SALT mempunyai kelebihan untuk mengeksport.

## 14.2 Faedah SALT Kepada Masyarakat

1. Pengamalan sistem penternakan yang baik dapat membantu dalam usaha mengawal pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat.
2. Hasil ladang yang dikeluarkan lebih terjamin kepada pengguna di mana kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi.
3. Pengamalan sistem yang baik memberi sumbangan yang ketara ke arah pencapaian taraf bebas penyakit serta peningkatan kualiti ternakan dan kesihatan awam.




## 15.0 RUJUKAN

1. Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]
2. Penyakit Wajib Lapor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, 2008
3. MS 1480:2007 *Hazard Analysis And Critical Control Point (HACCP)*. Department of Standards Malaysia, 2006
4. MS 2027:2006 *Malaysian Standards Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*. Department of Standards Malaysia, 2006
5. Buku Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT). Jabatan Perkhidmatan Haiwan, 2005 Edisi kedua
6. *Guide for Good Agriculture Practice (GAP)*. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2005
7. Amalan Perternakan Baik (GAHP/APB). Jabatan Perkhidmatan Haiwan, 2005
8. Protokol-protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia, 2003




## CARTA ALIRAN PERMOHONAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)





## CARTA ALIRAN PENSIJILAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)



### Petunjuk :



Tanggungjawab Pemohon



Tanggungjawab Urusetia Pensijilan



Keputusan



## **PENGHARGAAN**

### **JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN PENTERNAKAN BAIK BAGI PENSIJILAN SKIM AMALAN LADANG TERNAKAN (SALT)**

#### ***PENAUNG:***

Datuk Dr. Abd. Aziz Bin Jamaluddin

#### ***PENASIHAT:***

Dr. Zaliha Binti Abdullah  
Dr. Idris Bin Kadir

#### ***URUSETIA SEKSYEN PEMBANGUNAN SISTEM KUALITI:***

Dr. Gulam Shah Bin Fazal Din  
Dr. Zurina Binti Ramli  
Dr. Yap Siew Lee  
Dr. Zaitun Natahain Binti Mohd Diah

#### ***AHLI KUMPULAN KERJA PENULISAN:***

Dr. Asiah Naina Binti Mohd Alim  
Dr. Norhaliza Binti Abdul Halim  
Dr. Zurina Binti Ramli  
Dr. Yap Siew Lee  
Dr. Hazliza Binti Zuhir  
Dr. Zaitun Natahain Binti Mohd Diah  
Pn. Wan Shamsiza Binti Wan Ishak



## **PENGHARGAAN:**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti dan Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan atas kerjasama sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan dan penerbitan buku panduan ini.

**[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)**